

## **Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang**

EZAD AZRAAI JAMSARI  
SITI NOORASIKIN TUMIRAN  
KASEH ABU BAKAR  
ZAMRI ARIFIN

### **ABSTRAK**

Institusi masjid di Singapura masa kini semakin menjadi tumpuan masyarakat Melayu-Islam Singapura dalam menjalankan pelbagai aktiviti bukan hanya setakat aktiviti ibadah seperti bersolat, mengaji al-Qur'an dan berceramah. Bahkan institusi ini turut menjadi tempat untuk masyarakat Melayu-Islam menjalankan aktiviti sosial seperti pembangunan ummah, pembelajaran, riadah dan perbincangan. Sehubungan dengan itu, Masjid Assyafaah ialah antara masjid yang aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bersifat ukhrawi dan duniawi. Masjid tersebut telah menjadi masjid contoh yang penting dalam membangunkan masyarakat Melayu-Islam di sekitar Sembawang khususnya dan masyarakat Islam Singapura amnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Masjid Assyafaah terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Selain itu, ia bertujuan untuk meneroka sumbangan yang diberikan oleh Masjid Assyafaah kepada masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif, menerusi instrumen kajian kepustakaan, analisis dokumen, temu bual dan observasi. Kajian ini menghujahkan bahawa Masjid Assyafaah berjaya membangunkan sahsiah masyarakat Melayu-Islam Singapura terutamanya di sekitar Sembawang dan kawasan kelilingnya. Selain itu, masyarakat Melayu-Islam tersebut mula sedar, mereka perlu mengimarahkan masjid dengan menjalankan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat. Aktiviti sebegini sahajalah yang dapat mengembang dan mengekalkan survival Islam di Singapura di samping dapat mendekatkan lagi Islam kepada masyarakat Melayu-Islam Singapura.

Kata kunci: Institusi Masjid, Singapura, pendidikan Islam, masyarakat Melayu-Islam.

### *ABSRTACT*

*Mosque institution in Singapore nowadays is increasingly becoming the focus of Singaporean Malay-Muslim community in carrying out various activities not only religious activities like praying, studying the Quran and religious talk. In fact, the institution turns to be the place for the Malay-Muslim community to implement social activities such as ummah development, education, recreation and discussion. In line with this, Assyafaah Mosque is one of the mosques active in carrying out religious and non-religious activities. The mosque becomes an important example in the development of Malay-Muslim community in the vicinity of Sembawang in particular and Muslim community in general. The objective of this study is to identify the role of Assyafaah Mosque in the whole development of the Malay-Muslim community of Sembawang, Singapore. Besides, it is aimed at exploring the contribution of Assyafaah Mosque to the Malay-Muslim community of Sembawang, Singapore. Generally, this study uses qualitative method including document analysis, interviews and observation. The result of this*

*study argues that Assyafaah Mosque has successfully developed the personality of Malay-Muslim community, particularly in the vicinity of Sembawang and the surrounding area. The Malay-Muslim community is beginning to realize that they need the mosque to perform various activities that are worthwhile and useful. Such activities can only expand and maintain the survival of Islam in Singapore, besides bringing the Singaporean Muslim Malay-Muslim community closer to Islam.*

*Key word: Mosque Institution, Singapore, Islamic education, Malay-Muslim community.*

## PENDAHULUAN

Singapura merupakan sebuah negara pulau yang terletak di Asia Tenggara dan ia terletak di selatan Semenanjung Malaysia, iaitu bersebelahan dengan Negeri Johor. Singapura memiliki populasi penduduk seramai 4.8 juta orang mengikut bancian penduduk pada tahun 2008 yang terdiri daripada bangsa Cina (76.7 peratus), Melayu (14 peratus), India (7.9 peratus) dan lain-lain bangsa (1.4 peratus). Singapura bukan sahaja mempunyai pelbagai bangsa tetapi turut mempunyai pelbagai pegangan agama, iaitu Islam, Buddha, Baha'i, Kristian, Hindu, Jainism, Judaism, Sikhism, Taoism dan Zoroastrianism. Bahasa Melayu pula menjadi bahasa rasmi Negara Singapura, di samping bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Sejarah kedatangan Islam ke Singapura berkait rapat dengan proses Islamisasi ke atas Kepulauan Melayu seluruhnya pada abad ke-12M. Kedatangan Islam ke Singapura telah membuka minda dan mengubah persepsi masyarakat Singapura agar lebih menghayati dan mengamalkan Islam yang sebenar. Artikel ini akan mengaitkan peranan dan sumbangan institusi masjid terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura dari segi sahsiah, aktiviti dan pemikiran mereka. Sememangnya institusi masjid memainkan peranan yang penting semenjak zaman Rasulullah s.a.w. hingga kini kerana ia boleh berfungsi sebagai pusat pelbagai guna. Hal demikian disebabkan oleh Baginda telah menjadikan masjid sebagai markas untuk melakukan segala perancangan untuk kemajuan Islam dan umatnya.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Masjid Assyafaah terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka sumbangan yang diberikan oleh Masjid Assyafaah kepada masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura.

## MASJID ASSYAFAAH SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM DI SINGAPURA

Institusi masjid di Singapura merupakan program terancang yang dibina oleh pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk memberikan pendidikan dan pembangunan sosial kepada Muslim di sana. Hal ini disebabkan MUIS memegang sepenuhnya pengurusan terhadap institusi masjid dan ia merupakan hak milik sepenuhnya masyarakat Melayu-Islam. Institusi masjid bukan seperti madrasah-madrasah Singapura yang kebanyakannya dimiliki sepenuhnya oleh keluarga tertentu. Namun, pihak MUIS tidak masuk campur secara nyata terhadap aktiviti yang dilakukan oleh pihak masjid dan hanya memantau dari segi pengurusan dan hal-hal yang penting sahaja (MUIS, 2005: 14).

Masjid berperanan penting dalam perkembangan kebudayaan dan tamadun Islam terhadap masyarakat Melayu-Islam Singapura. Pihak Kerajaan Singapura telahpun memberi peluang kepada masyarakat Melayu-Islam di sana untuk membina masjid di sekitar Singapura. Hal ini terbukti dengan dicatatkan bahawa semenjak tahun 1975, pemerintah Singapura melalui MUIS telah membantu dengan mengadakan satu skim untuk memungut derma daripada masyarakat Islam bagi tujuan membina masjid-masjid baru yang canggih dengan segala kemudahan dan peralatan moden (MUIS,

1986: 5). Pemerintah Singapura turut membantu dengan mekanisme potongan gaji sumbangan pekerja Islam kepada dana tersebut. Skim untuk kos pembinaan masjid-masjid tersebut dinamakan sebagai *Mosque Building Fund* (MBF), iaitu 'Tabung Pembinaan Masjid' atau 'Dana Pembinaan Masjid' (DPM). Masjid ini bukan sahaja mempunyai dewan *musollah* (tempat solat) bahkan turut dilengkapi dengan ruang maslahat untuk kegunaan jemaah, bilik persidangan, dewan serbaguna atau auditorium, bilik darjah untuk madrasah, kelas dan bengkel, pejabat pentadbiran dan madrasah, serta bilik aktiviti untuk program pembangunan sosial (Mohamed Ali, 2005: 2). Skim ini mewajibkan setiap pekerja Islam menyumbangkan secara sukarela sekurang-kurangnya SGD1.00 dengan cara potongan terus daripada gaji bulanan pekerja berkenaan (Muhammad Hussin, 1986: 4). Pada tahun 1985, MUIS telah memungut SGD4,693,549.00 di bawah skim MBF. Sehingga pada 31 Disember 1985, lebih daripada SGD26 juta telah terkumpul untuk membiayai perbelanjaan tanah dan pembinaan masjid serbaguna generasi baru (MUIS, 1986: 5).

Rentetan daripada itu, Singapura dianggarkan memiliki lebih 70 buah masjid dan masjid tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu masjid persendirian (private) dan ditadbir oleh MUIS (tidak private). Namun, hanya 22 buah masjid sahaja yang menggunakan dana daripada MBF kerana pembahagian dana adalah berdasarkan agihan yang dilakukan oleh pihak MUIS (MUIS, 2007: 3). Tambahan pula, kesemua masjid baru serbaguna ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pejabat umum, bilik darjah, kemudahan persidangan, pusat perpustakaan merangkap sumber pengetahuan, bilik computer dan bilik jenazah (MUIS, 1986: 8).

Sesuai dengan matlamat kepelbagaian serbagunanya, masjid-masjid ini menawarkan khidmat dalam aspek pendidikan dan kebajikan meliputi kursus dan seminar isu ummah semasa, kursus bimbingan rumahtangga, kursus bakal haji, pameran, pungutan zakat fitrah, akad nikah, bantuan kewangan, kelas bimbingan dan kegiatan memungut derma. Namun, paling penting dengan pembinaan masjid-masjid tersebut dapatlah menyemarakkan lagi pendidikan Islam di masjid-masjid Singapura ini. Tambahan pula, masjid merupakan medium untuk pembelajaran anak-anak Muslim Singapura dalam mengetahui, mempelajari dan memahami terhadap pendidikan Islam serta agama Islam itu sendiri yang mana ia menawarkan kelas bagi mata pelajaran ukhrawi dan duniawi. Di samping itu, purata seramai 200 orang sukarelawan kini membantu menguruskan kelas dan kursus tersebut di setiap masjid (MUIS, 1986: 9).

Masjid Singapura telah memberi banyak sumbangan dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat Melayu-Islam di sana. Dalam membentuk kehidupan beragama ummah sudah tentulah memastikan setiap Muslim mendapat pembangunan diri yang sesuai dengan golongan usia mereka. Kebanyakan masjid di sana aktif, kreatif dan berpandangan ke hadapan dalam memberikan yang terbaik untuk kebaikan masyarakat Melayu-Islam Singapura. Masjid-masjid tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada masyarakat di sana serta pihak Kerajaan Singapura sendiri (Mohamed Ali, 2005: 5). Namun, pendekatan ini adalah suatu pengiktirafan kepada kehidupan masyarakat Singapura yang majmuk dan rencam serta tidak menafikan aneka cabaran yang dihadapi setiap anggotanya dalam usaha membentuk jati diri Muslim Singapura. (*Kosmo* 2009: 4).

Masjid-masjid di Singapura berperanan penting dalam pembangunan sosial masyarakat Melayu-Islam Singapura. Walaupun penting bagi masjid menjadi tempat berjalan dan melaksanakan

ibadah serta pembelajaran Islam. Konteks Singapura menuntut masjid turut memainkan peranan lebih besar lagi dalam pembangunan sosial bagi bangsa tersebut khususnya dan masyarakat Singapura amnya. Dalam konteks ini, usaha masjid ini dapat memberi nilai tambah kepada agensi yang ada dengan melengkapi usaha mereka menerusi rancangan perkongsian dan hubungan golongan yang memerlukan dengan penyedia khidmat sosial (Mohamed Ali, 2005: 6). Berikut ialah tiga strategi yang perlu ada dalam pembangunan masyarakat Islam Singapura melalui institusi masjid (Mohamed Ali, 2005: 6):

1. **Masjid Mesra Belia.** Masjid Singapura perlu mengamalkan 'Masjid Mesra Belia' kerana belia merupakan golongan yang besar dalam masyarakat Islam Singapura. Dengan arus pemodenan yang sangat pesat, sekitaran sosial yang mencabar dan kian meruncing, agenda belia ini telah diambil secara serius oleh pimpinan masjid menerusi panduan mesra belia untuk mewujudkan ruang dan kecenderungan yang selesa untuk belia ketika di masjid. Kawasan 'lepak' belia yang 'gerak' dengan ciri tersendiri telah dilaksanakan di beberapa masjid dan pendekatan lebih mesra untuk menarik belia ke masjid. Pekerja sosial belia telah diambil bekerja di beberapa masjid untuk menangani persoalan belia secara profesional dalam mengadakan program pembangunan belia secara lebih teratur dan berkesan.
2. **Masjid Mesra Keluarga.** Masjid perlu menjadi masjid yang mesra keluarga di mana beberapa buah masjid juga telah disesuaikan untuk menjadi pusat bagi kegiatan bersama keluarga. Pendekatan ini telah diambil demi menjadikan masjid mesra keluarga dan menangani masalah keluarga masyarakat Melayu-Islam. Antara langkah yang telah diambil ialah dengan meningkatkan peranan Imam Eksekutif masjid selain sebagai memimpin pembangunan kerohanian jemaah juga meliputi tugas Naib Kadhi.
3. **Masjid Mesra Masyarakat.** Dalam strategi ini, beberapa buah masjid menjadi masjid mesra masyarakat sama ada jemaah dalaman dan luaran, organisasi sekitaran masjid dan organisasi pemerintah. Antara yang telah dilakukan untuk jemaah dalaman masjid ialah seperti sesi bertemu jemaah iaitu sesi bual mesra bersama jemaah untuk lebih kenal, mendapatkan maklum balas dan memaklumkan program masjid kepada jemaah. Bagi jemaah luaran, program lawatan ke rumah-rumah penduduk Islam telah dilakukan untuk selain berkenal mesra, mendapatkan maklum balas dan menyampaikan program kegiatan masjid kepada penduduk adalah juga untuk memantau sekiranya ada penduduk yang bermasalah maka dapat diberi bantuan atau disalurkan kepada badan-badan bantuan. Sistem 'qaryah' (rangkai jawatankuasa kecil masjid) telah dilaksanakan oleh beberapa buah masjid di estet perumahan untuk memberi maklum balas masyarakat, merangsang semangat sistem sokongan keluarga berangkai dan menyalurkan keluarga susah dalam kejiranan kepada masjid.

Sehubungan daripada itu, pihak pentadbiran masjid-masjid ini perlu mengikuti 10 ciri masyarakat Islam cemerlang yang diaturkan oleh MUIS yang wajib dilaksanakan oleh setiap masjid di Singapura ini. Tujuan pihak MUIS menyediakan 10 ciri ini adalah untuk pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura. Namun begitu, perancangan, pengurusan dan pelaksanaan terhadap aktiviti tersebut adalah tertakluk di bawah tanggungjawab pengerusi eksekutif setiap masjid. Antara sepuluh ciri masyarakat Islam cemerlang ialah seperti berikut (Siti Noorasikin & Ezad Azraai, 2009: 8-9):

1. Berpegang teguh akan prinsip Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah.
2. Mempunyai moral dan sifat kerohanian yang utuh, mampu mengatasi cabaran kehidupan masyarakat modern.
3. Progresif, mengamalkan Islam lebih sekadar ritual/bentuk dan dapat menyesuaikan diri dengan arus permodenan.
4. Menghayati tamadun dan sejarah Islam serta berupaya memahami isu-isu semasa.
5. Menghargai lain-lain ketamadunan dan yakin diri untuk berinteraksi serta belajar daripada masyarakat lain.
6. Percaya bahawa Muslim yang baik adalah rakyat yang baik.
7. Dapat menyesuaikan diri sebagai golongan yang memberi sumbangan dalam masyarakat berbilang agama dan negara sekular.
8. Membawa kesejahteraan kepada semua dan menggalakkan nilai serta prinsip sejagat.
9. Tidak menyendiri dan mengamalkan kehidupan majmuk tanpa bercanggah dengan Islam.
10. Menjadi contoh dan inspirasi kepada semua.

## **LATAR BELAKANG MASJID ASSYAFAAH**

Masjid Assyafaah terletak di estet perumahan Sembawang yang beralamat di No. 1, Admiralty Lane (S)757620, Singapore 6756 3008 di utara Singapura yang tergolong antara masjid di bawah Kelompok Barat Laut. Masjid Assyafaah mempunyai empat tingkat dan mempunyai reka bentuk yang unik berbeza daripada reka bentuk masjid lain yang terdapat di Sembawang. Reka bentuk Masjid Assyafaah seperti bangunan pejabat dan tidak kelihatan seperti sebuah masjid. Di Singapura, reka bentuk masjidnya tidak bercirikan reka bentuk masjid yang sebenar kerana reka bentuknya lebih kepada bangunan bertingkat (Laporan Kelab Nahdhah, 2008: 8).

Pengurusan dan prasarana yang baik telah memperlihatkan Masjid Assyafaah antara 70 masjid di Singapura yang aktif dengan pelbagai program yang dijalankan. Masjid ini telah dibina sebelum tahun 2000 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 9 April 2004 di mana pengerusinya ialah En. Mohamed Ali bin Atan (pegawai MUIS) yang diberikan tanggungjawab untuk mentadbir masjid tersebut serta pengurus operasi masjid tersebut pula ialah En. Maideen bin Sulaiman. Pada tahun pertama (2004) masjid ini beroperasi telah memperkenalkan pelan strategik tiga tahun Assyafaah yang pertama (2004-2006) dengan 'Masjid Dinamik, Masyarakat Progresif' serta misinya 'Menjana Pusat Kecemerlangan dalam Pembelajaran Islam dan Pembangunan Sosial'. Nilai utama yang diamalkan ialah integriti, unti (kerjasama), berteraskan kualiti, saling hormat menghormati dan proaktif. Hala tuju strategik ialah untuk menegakkan pembelajaran Islam dan memantapkan program pembangunan sosial. Objektifnya ialah melengkapkan pendidikan Islam dan perkhidmatannya kepada seluruh penduduk di sekitar Masjid Assyafaah; memastikan kualiti pengajaran dan penyelarasan sesuai dengan keadaan semasa dan program yang dijalankan oleh pihak masjid tidak terlalu berat untuk dilakukan oleh masyarakat Islam Singapura; dan memupuk masyarakat Islam Sembawang agar mempelajari hadis melalui kurikulum wajib iaitu menggunakan buku 'Hadith 40 untuk Orang Muda' terhadap setiap program masjid yang dianjurkan (Mustazah, 2008: 9). Masjid Assyafaah telah melangkah lebih panjang dengan pelan strategik tiga tahun Assyafaah yang kedua pula (2007-2009) di samping matlamat barunya untuk masjid dan masyarakat Melayu-Islam

selaras dengan pelan strategik tiga tahun kedua MUIS. Matlamatnya ialah 'progresif, penghayatan beragama yang berdaya tahan dengan identiti Muslim Singapura yang kuat dan pencapaian kecemerlangan, mesra belia, mesra masyarakat serta kewangan kukuh' (Mohamed Ali, 2007: 1). Masjid Assyafaah dibina dengan menggabungkan dua masjid iaitu Masjid Naval Base dan Masjid Jumah Sembawang. Kedua-dua masjid tersebut telah dirobohkan apabila ia dibina atas tapak Masjid Naval Base dan kini ia terletak di Sembawang New Town, Singapura (*Cenderamata Perwakafan Masjid Assyafaah*, 2004: 4; *Lembaran Assyafaah as-Sohifah*, 2005: 14-15).

Masjid Naval Base dibina dengan sokongan dan bantuan daripada Ketua Pegawai Polis bagi Angkatan Polis Lautan. Commodore FCW Lawson telah merasmikan pembukaan masjid ini pada tanggal 8 Jun 1968. Masjid Naval Base terletak di simpang antara Delhi Road dan Canberra Road. Walaupun kedudukannya terpencil daripada Canberra Road tetapi masjid ini dapat dilihat daripada estet perumahan Sembawang. Kini, masjid tersebut dikunjungi oleh penduduk estet perumahan baru Sembawang, Yishun dan Woodlands. Bahkan para pekerja di limbungan kapal dan kawasan perkilangan yang berdekatan juga turut mengunjungi masjid tersebut. Pada tahun 1969 semasa masjid ini dibina, kampung di sekitarnya mempunyai penduduk berjumlah 150 orang. Masjid ini amat aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan nasyid, korban dan akikah, kelas agama, kursus Haji, menyewakan perkakas bagi majlis perkahwinan, kursus belia, dan pelbagai aktiviti keagamaan yang lain. Pada asalnya, masjid ini boleh menampung sekitar 300 jemaah sahaja. Menurut penjelasan yang diberikan oleh Haji Sulong Yamin, bekas ketua lembaga pentadbiran masjid selama 12 tahun, masjid ini telah menjalani pelbagai perubahan dan penambahan baikkan untuk memenuhi bermacam-macam kehendak masyarakat. Masjid ini terletak dalam kawasan larangan Pangkalan Tentera Lautan British dan jemaah masjid hanya terdiri daripada orang Islam yang bekerja dalam kawasan tersebut. Pada tahun 1972, apabila Tentera Laut British telah mengundurkan diri daripada Singapura, masjid ini telah dibuka kepada masyarakat umum untuk beribadat dan menjalankan aktiviti masjid yang berkembang dari tahun demi tahun. Projek yang terbaru adalah untuk membina semula dan mencantikkan masjid serta persekitarannya (Siti Mashitah, 2009: 4-5).

Sementara Masjid Jumah Sembawang ini dibina pada tahun 1920-an dengan kayu pasak setinggi 4 kaki dan beratapkan zink yang boleh bertahan dengan garam dan angin laut. Masjid ini di atas tapak sejarah di Sembawang Road yang telah wujud semenjak tahun 1920-an ketika masyarakat Muslim India berkembang. Masjid ini mempunyai kolam air mata air sebagai tempat wudhu' dan air mata air ini tidak boleh dijumpai di masjid lain di Singapura dan masjid ini turut bergiat aktif sehinggalah ia tamat beroperasi pada tahun 1995 (Siti Mashitah, 2009: 5).

Masjid Assyafaah mempunyai 17 orang kakitangan yang bertugas sepenuh masa dan separuh masa. Pentadbiran dan pengurusan Masjid Assyafaah terbahagi kepada tiga bahagian utama yang dipimpin oleh Lembaga Pentadbir Masjid. Bahagian yang pertama ialah Khidmat Korporat, Pentadbiran dan Sumber Manusia, Kewangan, Teknologi Maklumat dan Hubungan Pemasaran, Operasi dan Khidmat pelanggan. Bahagian kedua pula ialah Pembelajaran Islam, Dakwah dan Madrasah serta bahagian ketiga ialah Pembangunan sosial, Warga emas dan kebajikan, Cabang lelaki, Cabang wanita (Syafaatunnisa'), Belia dan Qaryah (Siti Mashitah, 2009: 6-7).

## PERANAN MASJID ASSYAFAAH TERHADAP PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM SINGAPURA

MUIS telah mengadakan Sistem Pembangunan Masyarakat Masjid iaitu suatu sistem sukarelawan di masjid-masjid agar aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di masjid dapat dipantau untuk tujuan perluasan tanggungjawab, pengiktirafan dan penghargaan menerusi anugerah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, Masjid Assyafaah mempunyai peranan tersendiri dalam meningkatkan prestasi terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura. Peranan masjid tersebut ialah:

### **Pusat Ibadah**

Sememangnya semua masjid berperanan utama sebagai pusat atau tempat untuk melakukan ibadah iaitu bersolat dan mengaji al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, Masjid Assyafaah sentiasa memastikan bilangan jemaah yang bersolat mestilah meningkat setiap hari agar rumah suci Allah S.W.T. ini sentiasa dikunjungi hamba-Nya untuk beribadah kepada-Nya. Anggaran statistik bulanan Masjid Assyafaah menunjukkan jemaah yang bersolat termasuk pelajar madrasah adalah lebih kurang 25 hingga 30 ribu jemaah setiap bulan (Mohamed Ali, 2007: 1).

### **Pusat Kegiatan Masyarakat dan Agama**

Masjid Assyafaah turut berfungsi sebab pusat kegiatan masyarakat setempat di kawasan estet perumahan yang berdekatan iaitu estet perumahan Woodlands, Sembawang dan Yishun. Selain menjadi tempat untuk melakukan ibadah solat, pelbagai aktiviti telah diadakan untuk menyemarakkan lagi masjid ini. Antara aktiviti yang dilakukan merangkumi dua bahagian, iaitu aktiviti agama seperti kuliah agama harian, syarahan agama bulanan, pengurusan jenazah, belajar solat dan mengaji al-Qur'an, Maulidur Rasul, majlis akad nikah, marhaban serta majlis korban dan akikah. Manakala aktiviti sosial ialah festival Hari Keluarga tahunan, menerima pelawat dari pelbagai institusi dan lawatan ke rumah penduduk di sekitaran. Masjid Assyafaah juga menfokuskan kepada memberi layanan yang terbaik kepada setiap jemaah yang hadir ke masjid di mana para jemaah dilayan bagaikan tetamu hotel. Semua kakitangan masjid tersebut menghadiri kursus untuk memberikan layanan terbaik kepada setiap jemaah (Suriani, 2007: 4).

### **Pusat Pembelajaran Islam**

Peranan Masjid Assyafaah adalah bertindak sebagai pusat pengajaran ilmu-ilmu Islam dan dakwah bagi seluruh masyarakat Melayu-Islam di sekitar Sembawang. Masjid ini merupakan sebuah institusi yang menjalankan pembelajaran ke atas anak-anak masyarakat Melayu-Islam di Singapura dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Pembelajaran asas yang dijalankan di masjid tersebut seperti bimbingan iqra' dan fardu ain (*Cenderamata Perwakafan Masjid Assyafaah*, 2004: 4; *Lembaran Assyafaah as-Sohifah*, 2005: 14-15). Di samping itu, seramai 1,200 lebih pelajar yang belajar dari peringkat pra-madrasah hingga ke peringkat bimbingan remaja dua. Setiap pelajar yang ingin mendaftar di masjid tersebut dikenakan bayaran sebanyak \$15.00 dan \$5.00 bagi yuran aktiviti bagi pelajar kanak-kanak. Manakala bagi pelajar dewasa mereka dikenakan yuran sebanyak \$30.00 (Laporan Kelab Nahdhah, 2008: 6).



Tambahan pula, Pusat Pendidikan Masjid Assyafaah mempunyai pentadbiran madrasah tersendiri bagi memberikan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap Islam kepada masyarakat Melayu-Islam di sekitarnya. Objektif bagi madrasah masjid ini ialah menerapkan budaya ilmu berbagai bidang dalam diri pelajar ke tahap cemerlangan dengan kegiatan yang bernas di samping menyediakan persekitaran yang baik (Suriani, 2007: 5).

Sehubungan dengan itu, madrasah masjid ini bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendidikan Islam yang dijalankan di sana yang mana Masjid Assyafaah telah mula menggunakan program *aL.I.V.E.* semenjak diperkenalkan pada umum oleh pihak MUIS pada Julai 2004. Pembahagian tahap pembelajaran dibahagikan mengikut kategori umur iaitu *Kids aL.I.V.E.* (5-8 tahun), *Tweens aL.I.V.E.* (9-12 tahun) dan *Teens aL.I.V.E.* (13-15 tahun) (MUIS 2008: 21). Masjid Assyafaah mempunyai pelajar seramai 1,200 orang yang kebanyakannya terdiri daripada para pelajar sekolah kerajaan. Mereka datang ke madrasah untuk mendalami lagi tentang pendidikan Islam secara asas sahaja kerana di sekolah mereka tidak mempunyai subjek pendidikan Islam. Namun, ada juga para pelajarnya dari kalangan masyarakat umum (dewasa) (Zaharah, 2009).

Pusat pendidikan masjid ini turut memperlihatkan aktiviti yang meningkatkan kecergasan fizikal dan menjana pemikiran masyarakat Muslim sekitar Sembawang ini. Madrasah-Masjid tersebut yang mengikuti program *aL.I.V.E.* telah mengadakan aktiviti dalam kelas (Suriani, 2007: 6):

1. Kelas pembelajaran agama dalam Bahasa Inggeris bagi menampung keperluan para pelajar Islam yang bukan Melayu.
2. 17 orang guru agama (istilah yang diguna pakai di Singapura ialah *asatizah*) yang berkelayakan dari peringkat *thanawi* 4 hingga peringkat *siswazah* yang mengelolakan madrasah hujung minggu.
3. 14 buah bilik darjah di aras tiga dan empat untuk hari hujung minggu dan hari-hari biasa. Pada hari-hari biasa, kakan diadakan kelas *Talaqqi & Fardhu Ain* untuk kanak-kanak serta remaja yang tidak mahir membaca al-Qur'an dari peringkat 5 tahun hingga 16 tahun.

Di samping itu, pihak madrasah masjid turut melakukan aktiviti luar kelas yang bertujuan untuk membentuk para pelajar Muslim ini dengan mempunyai nilai-nilai akhlak yang murni di samping berkeyakinan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan. Aktiviti luar kelas adalah seperti berikut (Suriani, 2007: 6):

1. Penyertaan kumpulan nasyid Masjid Assyafaah '*An-Naseem*' dalam beberapa peradaban dan persembahan anjuran masjid, madrasah dan pertubuhan.
2. Penyertaan pelajar dalam peraduan bercerita, kuiz, syarahan anjuran masjid dan pertubuhan.
3. Minggu *Hubbussannah 1426H*-Sambutan Maulidur Rasul.
4. Sambutan Hari Kebangsaan.
5. Mengadakan lawatan perkhemahan bagi para pelajar.
6. Mengadakan seminar atau kursus untuk remaja.

Dengan kewujudan madrasah masjid ini, telah memberikan kesan yang baik kepada masyarakat Islam dan non-Islam dari segi sosial. Hal ini disebabkan Masjid Assyafaah mempunyai tema tersendiri dalam mempamerkan sebagai masjid yang bernilai dan berkualiti tinggi di Singapura.

Maka, tema masjid dengan 'Masjid Mesra Masyarakat' dapat direalisasikan dengan jayanya. Semua kakitangan masjid tersebut akan memastikan masyarakat akan berpuas hati dengan pengurusan Masjid Assyafaah dan setiap perkhidmatan yang diberikan (Siti Noorasikin & Ezad Azraai, 2009: 11). Kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan dapat dibuktikan apabila masjid ini berjaya mengadakan lawatan muhibah ke *Endeavour Primary School, Sembawang, Singapura* yang mana kesemua pelajar di sekolah tersebut adalah non-Muslim. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah tersebut telah menyambut kedatangan mereka dengan hati terbuka dan menyatakan aktiviti seperti ini dapat mendekatkan lagi warga sekolah tersebut dengan agama Islam (Zaharah, 2009).

Para pelajar akan belajar selama tiga jam bagi sesuatu sesi pelajaran di madrasah masjid tersebut di mana madrasah ini terbahagi kepada tiga sesi pembelajaran. Sesi pembelajarannya hanya berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad kerana pada kedua-dua hari tersebut sahaja para pelajarannya berpeluang untuk mempelajari pelajaran agama dan bahasa Arab sepenuhnya. Hal ini disebabkan pada hari-hari biasa telah digunakan untuk sesi pembelajaran pendidikan sekular (Siti Noorasikin & Ezad Azraai, 2009: 12).

Dalam meningkatkan prestasi para pelajar, pihak masjid sentiasa meminta tindak balas daripada ibu bapa para pelajar dalam melihat perkembangan pendidikan Islam anak-anak mereka. Ada sebahagian ibu bapa menyatakan rasa puas hati dengan pendidikan Islam di masjid tersebut kerana anak-anak mereka telah memperlihatkan prestasi yang cemerlang dalam kehidupan seharian seperti anak-anak dapat mengamalkan doa-doa Islam dengan baik sebagai contoh doa makan, tidur dan masuk tandas. Selain itu, mereka lebih mendalami ilmu Islam dengan baik seperti ilmu al-Qur'an, hadis, tafsir, tauhid, ibadat dan akhlak. Namun, ada juga sebahagian ibu bapa yang menyatakan rasa tidak puas hati kerana anak-anak mereka tidak dapat menguasai sepenuhnya mata pelajaran agama yang diajarkan di madrasah masjid. Hal ini bukanlah kesilapan guru agama yang mengajar anak-anak mereka tetapi juga berpunca daripada kelalaian para ibu bapa tersebut yang tidak mengambil berat akan pelajaran agama anak-anak mereka itu. Alasan yang ibu bapa tersebut ialah mereka tidak sempat untuk bersama-sama melihat apa yang anak-anak mereka pelajari kerana kesibukan bekerja. Alasan lain, ibu bapa mereka merasakan guru agama sudah cukup dalam mengajarkan hal-hal berkaitan agama Islam kepada anak-anak mereka dan guru agama bertanggungjawab dalam kecemerlangan pelajaran anak-anak tersebut (Zaharah, 2009).

Masjid Assyafaah turut menawarkan perkhidmatan taska bagi kanak-kanak berumur 1-4 tahun di mana mereka ini akan turut diajarkan tentang pendidikan Islam yang asas seperti belajar solat, mengaji, menghafaz doa-doa harian (doa makan, tidur, masuk-keluar tandas). Kebanyakan kanak-kanak yang belajar di taska masjid ini tinggal di sekitar kawasan Masjid Assyafaah iaitu estet perumahan Sembawang (<http://www.mosque.org.sg/assyafaah/facilities/madrasah>).

### **Pusat Pengajian Hadis**

Masjid Assyafaah masjid ini dikenali sebagai Masjid An-Nur dan Darul Makmur. Namun, masjid ini lebih dikenali sebagai Darul Hadis (Pusat Pengajian Hadis) kerana masjid ini lebih menitikberatkan pendidikan hadis dalam sukatan pembelajarannya. Penubuhan Darul Hadis di masjid ini adalah bertujuan untuk mengajarkan lebih banyak hadith yang tidak diketahui oleh masyarakat umum.

Maka, satu intensif perlu dilakukan supaya pengajian ini dapat berkembang pesat walaupun diajarkan di masjid (Suriani, 2007: 3). Pengajaran terhadap subjek ini lebih kepada pendekatan pengajian hadis dalam kelas dengan diajarkan oleh guru agama mereka (Mustazah, 2007: 3). Visi Darul Hadis ialah menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajian Hadis dengan penyebaran dan pengajaran terhadap hadis sebagai pemangkin terbaik untuk pembangunan ummah. Manakala objektifnya adalah untuk: meningkatkan pembelajaran dan kefahaman terhadap hadis dalam kalangan Muslim Singapura dan Muslim seluruh dunia; meningkatkan kefahaman, penghargaan dan kasih sayang seluruh umat Islam terhadap Nabi kesayangan, iaitu Nabi Muhammad s.a.w.; serta memajukan ilmuwan hadis (Mustazah, 2008: 3).

Matlamatnya Darul Hadis terangkum dalam objektif Masjid Assyafaah ke-3 iaitu memupuk masyarakat Islam Sembawang agar mempelajari hadis melalui kurikulum wajib yang mana ianya menggunakan buku 'Hadis 40 untuk Orang Muda' terhadap setiap program masjid yang dianjurkan. Pengajian hadis menggunakan buku terbitan Masjid Assyafaah adalah memudahkan para pelajarnya serta masyarakat Melayu-Islam Sembawang memahami akan hadis yang diajarkan (Mustazah, 2008: 9).

## **SUMBANGAN MASJID ASSYAFAAH TERHADAP PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM SINGAPURA**

### **Tempat Masyarakat Melakukan Aktiviti Bermoral dan Sosial**

Setelah diiktiraf antara masjid yang bergerak aktif dan kreatif, Masjid Assyafaah telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu-Islam Sembawang dan sekitarnya. Masjid ini telah berjaya menarik dan mendekatkan masyarakat Melayu-Islam Sembawang kepada masjid dalam melakukan pelbagai aktiviti yang bermoral serta pembangunan sosial masyarakat. Dengan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, hal tersebut menunjukkan masjid tersebut menjadi tempat untuk para jemaah berkumpul tidak kira apa jua usia untuk melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama di samping mengimarahkan lagi masjid. Selain mewujudkan sifat kerjasama, masjid juga mampu menimbulkan sifat kasih sayang masyarakat terhadap Islam kerana dengan sifat ini dapat mewujudkan rasa penghayatan dan kefahaman yang betul. Maksudnya, masyarakat akan sentiasa mahu pergi ke masjid bukan sahaja untuk melakukan ibadah tetapi untuk bersama-sama saudara yang lain melakukan pelbagai aktiviti yang menjana pemikiran dan kecerdasan tubuh badan mereka (Siti Noorasikin & Ezad Azraai, 2009: 4).

Tambahan pula, mereka telah sedar betapa pentingnya masjid dalam kehidupan mereka dengan adanya aktiviti yang sentiasa dijalankan oleh masjid dapat menghidupkan Islam dalam setiap aspek kehidupan mereka. Namun, paling penting ialah dengan cara ini dapatlah Islam kekal bertapak di bumi Singapura kerana umat Islam di sana telah dikategorikan sebagai minoriti Muslim. Oleh itu, perlulah aktiviti sebegini sentiasa dijalankan setiap masa agar dapat menjamin keutuhan agama Islam dan umat Islam di Singapura dapat menghayati Islam dengan betul (Suriani, 2007: 6).

### **Memberi Pendidikan kepada Masyarakat Melayu-Islam**

Masjid Assyafaah turut memberi sumbangan melalui pendidikan Islam yang diajarkan kepada masyarakat Melayu-Islam Singapura. Kefahaman masyarakat terhadap kehidupan Islam yang

sebenarnya dapat dimudahkan melalui pendidikan. Hal ini disebabkan pendidikan Islam yang diajarkan merangkumi secara keseluruhan berkenaan ilmu agama seperti al-Qur'an, tajwid, tauhid, ibadah, faraid dan hadis. Masjid Assyafaah menawarkan kelas pendidikan Islam adalah untuk membantu masyarakat Melayu-Islam terutamanya golongan pelajar sekolah kerajaan dan golongan dewasa mendalami Islam. Sekolah pemerintah tidak mempunyai subjek pendidikan Islam, maka para pelajar Islam sekolah pemerintah telah mencari inisiatif sendiri untuk mendapatkan ilmu agama dengan mempelajarinya di masjid. Golongan dewasa belajar tentang pendidikan Islam di masjid adalah untuk menambahkan ilmu agama yang sedia ada (Zaharah, 2009).

Pendidikan Islam yang ditawarkan oleh masjid bukan hanya ingin dipelajari oleh masyarakat Islam bahkan ia turut ingin dipelajari oleh masyarakat non-Muslim. Hal ini menunjukkan golongan seperti itu telah tertarik hati dengan Islam walaupun mereka tidak terus memeluk Islam. Kebanyakan mereka hanya sekadar ingin tahu dan amat menghormati agama Islam dan umat Islam itu sendiri. Mereka berasa selasa dengan agama Islam yang menunjangi kehidupan umat Islam seharian (Norlaila, 2009).

### **Penerbitan Buku Hadis**

Darul Hadis bukan hanya mengajarkan subjek hadis melalui pengajaran dalam kelas tetapi mengambil inisiatif baru dengan menerbitkan buku Hadith yang berkaitan dengan hadis Rasulullah s.a.w.. Pengajaran hadis yang diberikan secara ringkas dalam kelas tidak cukup hanya setakat itu sahaja dan para pelajar perlu mencari ilmu tambahan lain agar ilmu hadis yang diperolehi dapat dikembangkan. Buku kecil yang memuatkan 40 buah hadis Rasulullah s.a.w. ini terhasil daripada idea penulis buku tersebut yang kagum dengan sejarah para ulama hadis yang terulung seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam al-Nawawi, Imam Ibn Abd al-Barr, Imam al-Turmidhi dan imam hadis yang lain. Hal ini disebabkan penulis buku ini mendapati bahawa para ulama hadis tersebut telah menghasilkan banyak penulisan dalam bidang hadis seperti Kitab Hadis 40. Selain itu, penulis tersebut melihat sudah ada usaha yang dilakukan dalam mengumpulkan hadis berkaitan dengan kelebihan ilmu, modal insan, amal kebajikan dan lain-lain lagi. Dengan perkembangan yang rancak ini dalam penyebaran ilmu hadis, penulis buku ini mahu turut serta dalam memberi sumbangan kepada masyarakat menerusi penyebaran hadis Rasulullah s.a.w. (Mustazah, 2007: 3).

Buku ini dikhususkan untuk golongan muda Melayu-Islam Singapura dan amnya masyarakat Islam Singapura tetapi ini tidak bererti golongan lain seperti orang dewasa tidak boleh membacanya. Metode yang digunakan dalam menghasilkan penulisan ini ialah dengan cara menampilkan hadis dan selanjutnya dijelaskan maksud tersebut secara ringkasan yang mudah difahami. Selain itu, hadis yang dipilih adalah berkenaan kehidupan remaja dan perkara yang digalakkan untuk mereka lakukan dalam kehidupan seharian. Contohnya seperti hadis yang menggalakkan menghormati ibu bapa. Pada akhir buku ini, penulis turut memberikan penampal untuk para pembaca agar dapat melakarkan pelan tindakan bagi dirinya sendiri selepas membaca hadis dalam buku tersebut. Hadis-hadis yang terpilih dalam buku ini diambil daripada beberapa sumber terkenal seperti *Kitab Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah*, *Riyad al-Salihin* dan *Sahih al-Jami' Saghir*. Kedudukan hadis-hadis yang dikumpul

ini adalah sahih dan hasan dari sudut riwayat atau makna. Buku ini merupakan langkah pertama Darul Hadis dalam menerbitkan buku-buku hadis untuk manfaat kaum Muslimin di Singapura (Mustazah, 2007: 3).

Peranan dan sumbangan yang diberikan oleh Masjid Assyaafah terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam telah membuahkan hasil apabila masjid ini telah mendapat pengiktirafan daripada pihak MUIS sebagai masjid paling aktif dalam segala hal pada tahun 2004-2007 Masjid Assyaafaah menerima 'Anugerah Masjid Cemerlang MUIS' pada tahun 2004, tahun 2005 diiktiraf sebagai 'Masjid Mesra Keluarga', tahun 2006 dan diiktiraf sebagai 'Pusat Cemerlang Kids a.L.I.V.E.' dan tahun 2007 diiktiraf sebagai masjid paling aktif di Singapura (Mohamed Ali, 2007: 2).

## KESIMPULAN

Masjid merupakan tunjang utama dalam pembangunan masyarakat Islam di Singapura kerana dengan cara ini dapat menyubur dan mengukuhkan Islam dalam hati masyarakat dan agama Islam dapat kekal bertapak di bumi Singapura. Bahkan, masjid menjadi pusat menghimpunkan pelbagai golongan usia dalam melakukan pelbagai aktiviti bersama. Walaupun Kerajaan Singapura tidak mengambil berat sangat terhadap kewangan masyarakat Islam. Akan tetapi, pihak pemerintah tetap memantau kebajikan masyarakat Islam dengan memberi peluang kepada masyarakat Islam Singapura untuk mengembangkan agama Islam di sana. Kemajuan Islam bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan masyarakat Islam menggunakan peluang yang diberi dengan sebaik mungkin. Islam di sana juga lebih berkembang pesat, manakala masyarakatnya pula lebih menghayati dan menghargai Islam walaupun mereka merupakan golongan minoriti. Hal ini disebabkan wujudnya rasa kesedaran yang mendalam terhadap pentingnya ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Begitu juga dengan Masjid Assyafaah yang terpaksa melalui fasa getir kerana terpaksa dibangunkan masyarakat Islam yang aktif dengan kudrat para kakitangan masjid dan masyarakat Islam tanpa ada bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Walaupun begitu, pembangunan Melayu-Islam mampu mengeluarkan insan soleh dalam mengharungi arus kehidupan moden. Masjid Assyafaah sentiasa memastikan masyarakat Islam di sekitar Sembawang khususnya dan masyarakat Islam amnya dapat dimajukan dengan aktiviti yang menyumbangkan faedah berguna kepada mereka.

Justeru, kajian ini dapat membuka ruang untuk pengkaji lebih mengetahui dan memahami peranan dan sumbangan Masjid Assyafaah dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura di Sembawang dan kawasan sekitarnya. Bahkan kajian ini turut mendedahkan masyarakat umum terhadap masjid-masjid di Singapura yang bergiat aktif dalam menyemarakkan masjid dan menjadi umat Islam yang sentiasa produktif, cemerlang, kreatif dan cergas. Aktiviti yang disusun oleh pihak masjid adalah di bawah pemantauan MUIS. Lantaran itu, pembangunan masyarakat Islam Singapura sebagai satu medium untuk umat Islam menjalankan aktiviti dakwah supaya ajaran Islam dapat dikembangkan adalah amat penting dan relevan pada setiap masa dan ketika. Penghargaan khas ditujukan kepada pihak Fakulti Pengajian Islam, UKM, khasnya Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), Kumpulan Penyelidikan 'Kebudayaan Arab dan Peradaban Islam' (KUKAPI), UKM serta Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), UKM kerana sentiasa memberi peluang, galakan motivasi dan dana penyelidikan (menerusi kod: UKM-GUP-TKS-08-07-291) demi menyemarakkan kegiatan penyelidikan dalam kalanganarganya.

## RUJUKAN

- Anon. 2004. Masjid Assyafaah. *Cenderamata Perwakafan Masjid Assyafaah* Mei: 4-6.
- Anon. 2005. Masjid Assyafaah. *Lembaran Assyafaah as-Sohifah* Januari: 14-15.
- Anon. 2007. Facilities Assyafaah Mosque. <http://www.mosque.org.sg/assyafaah/facilities/madrasah> [7 Disember 2009].
- Anon. 2009. Melayu Singapura miliki kedudukan istimewa. *Kosmo*, 21 Jun: 309.
- Laporan Kelab Nahdhah. 2008. Lawatan Pengantarabangsaan ke Singapura. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM Bangi, 14-16 Februari.
- Mohamed Ali Atan. 2005. Pengurusan Masjid: Pengalaman Republik Singapura. Kertas kerja Konvensyen Masjid 2005. Anjuran Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Singapura, 2-3 Ogos.
- Mohamed Ali Atan. 2007. Assyafaah Mosque. *Charity High Tea & Hadith Book Launch* September: 1-2.
- MUIS. 1986. *New Generation Mosque In Singapore and Their Activities*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura.
- MUIS. 2005. *Annual report 2005*. Singapore: Majlis Ugama Islam Singapura.
- MUIS. 2007. Risalah, *Interesting facts about mosque in Singapore*. Singapore: Majlis Ugama Islam Singapura.
- MUIS. 2008. *a.L.I.V.E. Learning Islamic Values Everyday-Programme giude 2008*. Singapura: Islamic Religious Council of Singapore.
- Mustazah Bahari. 2007. Darul Hadis. *Charity High Tea & Hadith Book Launch* September: 3.
- Mustazah Bahari. 2008. Slaid. Singapore: Assyafaah Mosque.
- Norlaila Osman. 2009. Masjid sebagai pusat pendidikan Islam di Singapura. Singapura: Masjid Darul Ghufuran. Temu bual, 10 Jun.
- Siti Mashitah Muhammad. 2009. Laporan Latihan Amali/Industri FPI. Masjid Assyafaah (Pusat Hadis @Darul Hadis), Singapore, 11 Mei-5 Julai.
- Siti Noorasikin Tumiran & Ezad Azraai Jamsari. 2009. Laporan Kajian Lapangan Ke Singapura Kali Pertama. Pendidikan Islam di Singapura masa kini. Masjid Assyafaah, Sembawang, Singapura, 8-11 Jun.
- Suriani Sahran. 2007. Laporan Latihan Amali/Industri FPI. Masjid Assyafaah (Pusat Hadis @ Darul Hadis), Singapore, 7 Mei-2 Julai.
- Zaharah Rahmat. 2009. Masjid sebagai pusat pendidikan Islam di Singapura. Singapura: Masjid Assyafaah. Temu bual, 8 Jun.

**Biodata:**

**Ezad Azraai Jamsari**, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mail ezad@ukm.my.

**Siti Noorasikin Tumiran**, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mel: misha.ashikin@yahoo.com.

**Dr. Kaseh Abu Bakar**, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mel: kaseh@ukm.my.

**P. Madya Dr. Zamri Arifin**, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mel: abuzaim@ukm.my.